



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 (4)

SEGERA

SIARAN MEDIA

**300 PESERTA HADIRI MESYUARAT PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JPPBT) DI SARAWAK**

Kuching Sarawak, 26 Mac - Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung di Riverside Majestic Hotel Kuching Sarawak pada pagi ini. Majlis yang berlangsung selama 3 hari bermula semalam dan akan berakhir esok dihadiri lebih kurang 300 peserta terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Di Pertua, Pengerusi serta pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Seluruh Negara. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil Kerajaan Negeri dan beberapa agensi Pusat yang berkaitan.

Mesyuarat Tahunan ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan dasar-dasar terkini kerajaan berhubung Kerajaan Tempatan. Mesyuarat ini akan membincangkan isu-isu berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan di PBT yang boleh memberi impak kepada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan Pusat berhubung dengan Kerajaan Tempatan. Di samping itu juga mesyuarat ini dapat menyediakan peluang kepada PBT untuk berkongsi pengalaman dan pandangan serta mendapat maklum balas bagi memperbaiki kualiti penyampaian perkhidmatan PBT.

Mesyuarat ini juga merupakan satu platform dan forum untuk meningkatkan dasar pemahaman Kerajaan Negeri dan PBT terhadap dasar-dasar serta program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat bagi membolehkan PBT memberi perkhidmatan yang lebih efektif kepada penduduk setempat.

YB Dato' Seri Chor di dalam ucapan perasmianya menyeru agar PBT lebih peka terhadap aduan-aduan yang disampaikan oleh rakyat. PBT harus menangani masalah yang dihadapi oleh rakyat dengan cepat dan tidak mengambil sikap sambil lewa di dalam menyelesaikan isu-isu yang kecil. PBT perlu terus mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) kepada masyarakat. Ini adalah perlu agar usaha perkhidmatan yang disampaikan selaras dengan Gagasan 1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Mesyuarat pada kali ini akan membentangkan 11 kertas kerja yang akan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Chor berharap agar sesi pembentangan dan perbincangan ini akan memberikan manfaat kepada semua ahli mesyuarat untuk mendalami dan memahami dasar-dasar kerajaan dan isu-isu yang berkait dengan PBT.

Daripada 11 kertas yang dibentangkan, 3 kertas iaitu Garis Panduan Perancangan Tadika dan Taska, Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 dan Garis Panduan Pengenalpastian dan Pembangunan Semula Kawasan Brownfield adalah kertas kerja yang diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-65 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 21 Mac 2012.

Manakala kertas kerja yang lain adalah Pelaksanaan Akta Wang Yang Tidak Dituntut 1965 (Akta 370), Pelaksanaan Program Inovasi Di Dewan Bandaraya Kuching Utara, Memproses Permohonan Kelulusan Pelan Cadangan Banglo Baru (individu) Daripada 60 hari kepada 1 hari, Pelaksanaan OSC Online : Best Practices, PBT Integrity League, Dasar Landskap Negara, Pengurusan Aduan PBT dan Memartabatkan Bahasa Kebangsaan Tanggungjawab Bersama.

Mesyuarat kali ini diharap dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan dan PBT dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan perniagaan di kawasan PBT masing-masing.

-End-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel: 03-8891 5555 Faks 03-8891 5557 E-mail pro@kpkt.gov.my